

Elaun Dr. Mahathir RM15,000 sebulan

Um - 23/3/2007.

KUALA LUMPUR 22 Mac - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad menerima elaun bulanan sebanyak RM15,000 sebagai Penasihat Petronas.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz berkata, elaun tersebut diberikan berikutan pelantikannya dibuat oleh kerajaan.

Dalam pada itu, beliau memberitahu, Petronas tidak pernah membeli jet khas untuk kegunaan peribadi Dr. Mahathir.

Beliau berkata demikian dalam jawapan bertulis dua perenggan kepada soalan **Fong Kui Lun (DAP-Bukit Bintang)** di Dewan Rakyat hari ini.

Dr. Mahathir dilantik sebagai Penasihat Petronas mulai November 2003 sebagai menghargai jasanya yang bertanggungjawab membantu mengembangkan operasi syarikat petroleum itu sehingga ke luar negara.

Berikutan pelantikan itu, Petronas turut menyediakan sebuah pejabat untuk kemudahan beliau menjalankan tugasnya.

Dakwaan pembelian jet peribadi pernah dibangkitkan oleh pihak pembangkang semasa sesi Dewan Rakyat pada tahun 2005.

Pihak pembangkang meminta Parlimen diberitahu tentang prestasi syarikat milik kerajaan (GLC) dan kos pembiayaan gaya hidup persaraan Dr. Mahathir.